

Siti Hawa mahu cipta sejarah tersendiri di UMP

Sinar Harapan (e-ipt) Sabtu 20/6/07 98 P20



Siti Hawa tidak pernah rendah diri dengan kekurangannya.

KUANTAN - Pendidikan adalah perkara penting yang menentukan kejayaan dan kehidupan seseorang pada masa hadapan.

Pelajar baru Universiti Malaysia Pahang (UMP), Siti Hawa Apandi, 18, berkata tanpa pendidikan yang sempurna, kehidupan seseorang itu tak mungkin berubah terutama orang kurang upaya (OKU) sepertinya.

"Saya yakin dengan adanya penguasaan ilmu yang cukup, saya akan memiliki kehidupan yang lebih baik pada masa hadapan.

"UMP memberi saya ruang untuk merebut peluang menjadi orang yang berjaya dan bekerjaya," katanya ketika ditemui semasa hari pendaftaran pelajar baru di UMP.

Dorongan dan galakan daripada keluarga

menjadi faktor Siti hawa bersemangat tinggi untuk melanjutkan pengajiannya.

Dia yang mengambil jurusan Diploma Sains Komputer, sebelum mendaftarkan diri di UMP, dia pernah mendapat tawaran dalam bidang yang sama Universiti Teknologi MARA (UiTM).

"Saya terpaksa menolak tawaran tersebut kerana menghadapi kesukaran untuk menjaga diri tanpa bantuan daripada ibu. Di UMP, saya diberi peluang sekali lagi untuk menyambung pelajaran di samping mendapat kebenaran untuk membawa ibu Zaidah Tamjis, 44, untuk menjaga saya melalui bantuan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Manis, Mohd Ariff Sabri Abdul Aziz dan Kaunselor sekolah, Woo Eu Suan," katanya.

Siti Hawa berharap, keluarga dapat terus memberikan sokongan dan dorongan manakala kawan seperjuangan di UMP dapat menerima keadaan dirinya dengan terbuka di samping berkesudian ketika pertolongan mereka diperlukan.